

# 21 ahli Silat Gayung termasuk 3 wanita terima 'selendang' sebagai wakil guru

26 APR 1979

*Pencak silat*

**S**ENI silat merupakan salah satu pusaka bangsa Melayu yang semakin terkenal hari ini dan nampaknya bertambah ramai orang, terutama kaum belia dan beliawanis, yang tertarik dengan seni pertahanan diri ini.

Mercupnya kelas-kelas silat di sana sini telah memberikan lebih banyak peluang bagi anak-anak muda untuk mengambil bahagian dalam permainan seni ini yang amat berguna dan menyihatkan tubuh badan — di samping kekuatan yang dibawanya dan juga disiplin yang disalurkan menerusinya.

Baru-baru ini, satu upacara pembahagian ijazah telah dilangsungkan bagi para penuntut Seni Silat Gayung di balai rakyat Sennet.

## Tak mudah

Majlis yang dikenali sebagai "Malam Penukaran Selendang" itu berlangsung dengan lincin dan eratur sekali, di selang seling dengan penyampaian ijazah peringkat "wakil guru" dengan penuh istiadat silat dan tatatertib ke-telayaan.

Seramai 21 penuntut silat menerima tauliah

"wakil guru", ini termasuk seramai tiga orang beliawanis.

Satu-satunya guru silat yang mempunyai kedudukan sebagai Imam Gelanggang Silat Gayung di Singapura, Encik Suni Rabi, telah menyampaikan ijazah itu kepada para "wakil guru" baru itu.

Mereka merupakan para penuntut Silat Gayung dari tiga buah balai rakyat di sini — Sennet, Kallang dan Mountbatten.

Tidaklah begitu mudah untuk mendapatkan ijazah ini dan setiap penuntut perlu menjalani latihan sekurang-kurangnya satu tahun setengah sebelum layak menerimanya.

## Daftar nama

Kelas-kelas Silat Gayung di balai rakyat Sennet sendiri telah diadakan sejak lapan tahun yang lalu dan dari hari ke hari bilangan para pemuda dan pemudi yang semakin berminat memelajarinya juga terus meningkat.

Begitu juga halnya dengan lain-lain kelas silat yang diadakan di berbagai tempat.

Kebanyakan penuntut silat sedar bahawa mereka perlu mendaftarkan diri dan kini dikehendaki

membayar yuran yang lebih tinggi dari di masa-masa lalu.

Namun, kedua-dua hal ini tidak sedikitpun menjadi penghalang niat mereka untuk menguasai seni silat.

Satu perkara yang sangat menarik mengenai perihal silat, mungkin juga sama dengan lain-lain seni pertahanan diri, ialah masa yang diambil untuk 'menguasai' kesenian itu adalah agak panjang.

## Rahsiakan

Dan dari apa yang saya ketahui, kebanyakan guru-guru silat pula (mungkin tidak semua), tidak akan menurunkan kesemua keahliannya kepada murid-muridnya — atau mungkin hanya kepada satu atau dua orang murid saja, itu pun yang terbaik sekali.

Ini mungkin benar atau mungkin tidak, tetapi jelasnya apa yang harus dilakukan oleh seseorang penuntut silat ialah berusaha sedaya upaya untuk menguasai kesenian itu setakat mana yang telah disampaikan kepadanya.

Siapa tahu apabila dia telah cekap nanti, dia bakal berpengetahuan untuk memperbaiki seni itu dan meluaskan lagi cabang langkahnya.

# Esha Setia Hati buka ranting di Eunos Cres.

1 MAY 1979

*Pencak silat*

**S**ENI silat Esha Setia Hati telah membuka cawangannya di Balai Rakyat Eunos Crescent dengan perasmiaannya dilakukan oleh Haji Ya'acob Mohamad, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India, pada Sabtu malam di balai itu.

## Kecekapan

Dalam ucapannya, Haji Ya'acob antara lain telah menasihatkan mereka yang mempelajari seni silat ini supaya jangan merasa takbur dan bermegah dengan kebolehan yang ada.

"Hendaklah kamu bersikap sabar dan merendahkan diri dan

jangan mengambil sikap yang takbur dengan kebolehan itu," katanya.

Bagi menyerikan lagi majlis yang ringkas itu, anggota-anggota silat Esha Setia Hati dari kawasan Pasir Panjang telah menunjukkan permainan dan kecekapan mereka.

Haji Ya'acob telah menerima cenderamata silat itu dari Yang Dipertua Silat Esha Setia Hati, Encik Rahman Ismail.

**GAMBAR** menunjukkan anggota-anggota dari pasukan Esha Hati kawasan Pasir Panjang sedang menunjukkan salah satu dari demonstrasi mereka di majlis itu.